

Ubah sikap, Zahid tegur Melayu sindir ucapannya di PBB
Free Malaysia Today
Nov 18, 2016

Zahid berkata Bahasa Melayu sepatutnya dijadikan salah satu bahasa perantaraan di PBB.

MELAKA: Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi membidas sikap sesetengah orang Melayu yang suka mencemuh bangsa sendiri, sambil merujuk ucapannya dalam Bahasa Inggeris pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York yang mengundang pelbagai sindiran dan kritikan.

“Ini apabila Melayu berucap dengan bahasa Inggeris di PBB dengan lidah Melayu dikatakan tidak hebat... jangan mencemuh diri Melayu sendiri, ubah sikap jika mahu tersohor dan masyhur,” katanya di petik Bernama merasmikan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) di Melaka, malam tadi.

September lalu, Zahid yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak ke PBB, menerima sindiran di media sosial selepas tersebar video ucapannya yang dikatakan menunjukkan penguasaan bahasa Inggeris yang lemah.

Malah beberapa pihak berpendapat Zahid sepatutnya berucap dalam bahasa Melayu.

“Ahli politik perlu tahu mereka ada pilihan berucap dalam Bahasa Melayu,” kata anak bekas perdana menteri Datin Paduka Marina Mahathir.

Pemimpin muda Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Syed Saddiq Sayed Abdul Rahman juga tampil mempertahankan Zahid.

“Kita cepat memperlekehkan usaha sesetengah rakyat malaysia yang ingin mencuba ‘dunia’ yang baru. Bila mereka bertutur dalam bahasa Inggeris, ada yang akan melabel sebagai pengkhianat bangsa, lidah penjajah, bajet omputih (orang putih).

“Malangnya, apabila ada yang mencuba, kita kutuk mereka kerana tidak fasih, broken English,” katanya.

Zahid semalam berkata sepatutnya bahasa Melayu dijadikan antara bahasa perantaraan di PBB.

Tambahnya, bangsa lain tidak akan menghargai bangsa Melayu sekiranya mereka sendiri tidak menghargai diri mereka.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/18/ubah-sikap-zahid-tegur-melayu-sindir-ucapannya-di-pbb/>